



**PENGUMUMAN KEPUTUSAN
SIJIL TINGGI PELAJARAN MALAYSIA (STPM)
TAHUN 2008**

Oleh

**HAJI SUFA'AT BIN TUMIN
PENGARAH PELAJARAN JOHOR**

10 MAC 2008

DI

**SMK SULTAN ISMAIL
JOHOR BAHRU**

**SEKTOR PENILAIAN DAN PEPERIKSAAN
JABATAN PELAJARAN JOHOR**

1.1 Pendahuluan

Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM) adalah salah satu kelayakan bagi calon untuk memohon masuk ke Institusi Pengajian Tinggi (IPT) sama ada Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) atau Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS). Pada peringkat ini, sukatan pelajaran yang perlu dikuasai oleh pelajar adalah lebih relatif dengan pengkhususan di IPT. Oleh itu, peperiksaan STPM menyediakan calon dengan pengetahuan dan kemahiran bagi membuat pengkhususan di IPT.

Pada tahun 2008 sejumlah 5 462 calon telah mendaftar untuk menduduki STPM, 4 989 (91.34%) adalah calon bagi Sekolah Kementerian Pelajaran. Sebanyak 87 pusat peperiksaan daripada sebanyak 87 buah sekolah telah disediakan untuk mengendalikan peperiksaan ini. Peperiksaan bertulis STPM 2008 telah dijalankan pada hari Rabu 12 Oktober hingga hari Khamis 4 Disember 2008.

2 Prestasi Keseluruhan STPM 2008

2.1 Kuantiti

Daripada jumlah calon yang menduduki peperiksaan STPM pada tahun 2008 (4 902), seramai 4 741 calon lulus penuh atau sekurang-kurangnya mendapat 1 prinsipal bagi mata pelajaran yang diambil atau

96.72%. Peratus calon lulus penuh merosot 0.08% berbanding pencapaian calon STPM 2006 (96.80%).

Sebanyak 31 buah sekolah mencapai 100% lulus penuh berbanding 22 buah sekolah pada tahun 2007. Daripada jumlah tersebut 17 buah sekolah meningkat 100% lulus penuh, iaitu:

- SMK Bukit Pasir, Muar (+20%)
- SMK Tengku Temenggong Ahmad, Muar (+17.39%)
- SMK Tenggara A, Mersing (+10.91%)
- SMK Gelang Patah, Johor Bahru (+9.09%)
- SMK Taman Kluang Barat, Kluang (+6.06%)
- SMK Dato' Mohd Yunus Sulaiman, Pontian (+3.70%)
- SMK Dato Onn, Batu Pahat (+3.45%)
- SMK (P) Sultan Ibrahim, Johor Bahru (+3.06%)
- SMK Tinggi Muar, Muar (+2.73%)
- SMK Bandar Tenggara, Kulai (+2.63%)
- SMK Tengku Mahkota, Muar (+2.56%)
- SMK Sri Mersing, Mersing (+2.56%)
- SMK Tun Mamat, Muar (+2.44%)
- SMK (P) Sultan Abu Bakar, Muar (+2.22%)
- SMK Tongkah Pechah, Batu Pahat (+1.69%)
- SMK Laksamana, Kota Tinggi (+1.35%)
- SMK Dato Bentara Luar, Batu Pahat (+0.59%)

12 buah sekolah mengekalkan pencapaian 100% lulus penuh, iaitu:

SMKA Segamat, Segamat
SMK Bandar Easter, Kota Tinggi
SMK Semerah, Batu Pahat
SMK Ledang, Muar
SMK Tinggi Batu Pahat, Batu Pahat
SMK Paduka Tuan, Segamat
SMK Yong Peng, Batu Pahat
SMK LKTP Palong Timur, Segamat
SMK Sri Kukup, Pontian
SMK Sri Muar, Muar
SMK Seg Hwa, Segamat
SMK Paloh, Kluang

2 buah sekolah baru mencapai kelulusan 100% lulus penuh, iaitu:

SMK Lenga, Muar
SMK Tan Sri Jaafar Albar, Kota Tinggi

36 buah sekolah meningkat pencapaian lulus penuh dari 0.10% hingga 20.00% berbanding pencapaian 2007. Sekolah tertinggi meningkat dari segi peratus lulus penuh ialah SMK Bukit Pasir, Muar (20.00%), SMK Tengku Temenggong Ahmad, Muar (17.39%) dan SMK Munshi Ibrahim, Segamat (13.06%).

2.2 Kualiti

Purata Nilai Gred Kumulatif (PNGK) bagi negeri Johor pada tahun 2008 adalah 2.35 mata. Pencapaian ini telah merosot sebanyak 0.01 mata berbanding PNGK tahun 2006 (2.36).

37 buah sekolah meningkat dari segi PNGK antara 0.01 mata hingga 1.08 mata berbanding pencapaian 2007. Sekolah tertinggi meningkat dari segi PNGK adalah SMK Bukit Pasir, Muar (1.08), SMK Dato' Mohd Yunos Sulaiman, Pontian (0.68) dan SMK Bandar Tenggara, Kulai (0.64).

Manakala sekolah tertinggi yang mencapai PNGK ialah SMK Bandar Tenggara, Kulai (3.11), SMK Bukit Pasir, Muar (2.85) dan SMK (P) Sultan Abu Bakar, Muar (2.84).

2.3 Pencapaian mengikut subjek

Sebanyak 22 mata pelajaran telah diambil oleh calon STPM 2008 negeri Johor daripada 23 mata pelajaran yang ditawarkan oleh Majlis Peperiksaan Malaysia (MPM). Mata Pelajaran yang menjadi tumpuan calon berbanding dengan jumlah calon keseluruhan negeri ialah Bahasa Melayu (58.65%), Pengajian Perniagaan (44.98%), Ekonomi (42.45%), Sejarah (41.15%), Geografi (27.72%), Kimia (22.03%), dan Matematik T (21.97%), Seni Visual (15.69%), Biology (11.95%) dan Physics (9.91%).

Prestasi mata pelajaran utama seperti berikut:

Mata Pelajaran	2008		2007		Perbandingan	
	% Lulus Penuh	NGMP	% Lulus Penuh	NGMP	% Lulus Penuh	NGMP
900 Pengajian AM	85.99	2.66	87.81	2.72	-1.83	-0.05
910 Bahasa Melayu	80.83	2.54	78.22	2.41	+2.61	+0.13
940 Sejarah	63.66	2.05	65.14	2.08	-1.48	-0.03
942 Geografi	71.08	2.24	73.26	2.27	-2.18	-0.03
944 Ekonomi	60.12	1.99	56.72	1.87	+3.39	+0.13
946 Pengajian Perniagaan	73.29	2.11	75.53	2.23	-2.25	-0.13
954 Mathematics T	68.71	2.07	74.10	2.34	-5.39	-0.27
960 Physics	76.34	2.34	77.75	2.39	-1.41	-0.05
962 Chemistry	75.56	2.26	73.36	2.21	+2.20	+0.05
964 Biology	76.69	2.46	81.61	2.56	-1.92	-0.10
970 Seni Visual	95.19	2.91	91.15	2.78	+4.04	+0.13

Mata pelajaran yang mencapai peratus lulus dan kualiti tertinggi (NGMP) ialah Seni Visual (95.19% / 2.91), Bahasa Cina (89.29% / 2.36) dan Usuluddin (87.50% / 2.60).

Secara keseluruhannya, prestasi 10 subjek calon STPM 2008 meningkat dari segi kuantiti dan kualiti. Kuantiti mata pelajaran berkenaan

meningkat antara 2.20% hingga 19.42%, manakala kualitinya meningkat antara 0.01 mata hingga 0.62 mata. Mata pelajaran tertinggi yang meningkat dari segi kuantiti adalah Bahasa Cina 19.42%, Syariah 16.21% dan Sains Sukan 15.07% berbanding 2007. Mata pelajaran tertinggi meningkat dari segi kualiti adalah Sains Sukan (0.62), Syariah (0.52) dan Mathematics S (0.27).

3 Calon Cemerlang

Pada tahun ini, 34 calon mencapai keputusan cemerlang (PNGK 4.00) mewakili 0.69% daripada jumlah calon yang menduduki STPM. Secara perbandingan peratus calon cemerlang merosot 0.14% (0.83%) dan berkurang seramai 14 calon (48) berbanding pencapaian calon cemerlang tahun 2007.

Daripada jumlah calon yang mendapat PNGK 4.00, 3 calon mengambil 5 mata pelajaran dan 31 calon mengambil 4 mata pelajaran. Sekolah yang mencapai peratus cemerlang tertinggi adalah SMK Sultan Ismail, Johor Bahru (6.67%), SMK (P) Sultan Abu Bakar, Muar (5.00%) dan SMK(P) Sultan Ibrahim, Johor Bahru (4.17%).

4 Rumusan

Pada keseluruhan pencapaian calon STPM 2008 negeri Johor menuju ke arah mewujudkan modal insan cemerlang dari segi akademik untuk

memenuhi agenda nasional dan wawasan 2020. Sehubungan dengan enam teras utama PIPP, maklumat di atas juga sangat meyakinkan kita bahawa kita mampu menjayakan PIPP. Kita punya landasan, sumber, potensi dan tenaga yang sangat baik untuk memacu kejayaan khususnya dalam pendidikan di masa hadapan.

Usaha yang berterusan harus ditingkatkan untuk merealisasikan **'Expected Targeted Result' (ETR)** yang disasarkan bagi Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM) negeri Johor untuk mencapai **100.00% calon mendapat sijil penuh 100.00%, peratus cemerlang 1.00% dan PNGK 3.00.**

Saya, mewakili pendidik dan petugas pendidikan dari seluruh negeri Johor mengucapkan tahniah dan syabas kepada calon-calon yang telah menunjukkan kecemerlangan. Semoga kejayaan mereka menjadi pendorong kepada calon lain untuk mencipta kecemerlangan pada masa hadapan. Kepada yang kurang berjaya diharap tidak terlalu kecewa kerana di sebalik kegagalan ada hikmah yang perlu disingkap untuk mencipta kejayaan yang lebih cemerlang. Mereka masih merupakan modal insan pembina negara bangsa di masa hadapan.

Saya juga mengucapkan terima kasih dan penghargaan kepada ibu bapa, guru, pemimpin sekolah dan masyarakat yang terus menerus menunjukkan minat dan keprihatinan terhadap pendidikan serta memberi sumbangan yang tidak terhingga nilainya terutama pendidikan

di peringkat sekolah di negara ini. Tidak lupa juga kepada pihak media yang tidak kurang pentingnya dalam memainkan peranan meningkatkan pencapaian murid dalam pendidikan.